

31/08/2000

Johor anjur seminar bincang isu ujian HIV

JOHOR BAHRU, Rabu - Kerajaan Johor akan menganjurkan seminar bagi membincangkan cadangan supaya bakal pengantin menjalani ujian darah bagi memastikan tiada jangkitan virus HIV dan Aids, dari sudut agama, kesihatan dan hak asasi.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata seminar anjuran Jabatan Agama Johor (JAJ) itu akan diadakan pertengahan bulan depan.

Menurutnya, seminar itu bertujuan mendapatkan pandangan pakar agama, kesihatan dan pertubuhan wanita bagi membolehkan cadangan itu dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam.

Beliau berkata, seminar itu akan membincangkan tiga perkara membabitkan pandangan pakar dari sudut agama termasuk hukum syariah, pakar dari jabatan kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan hak asasi.

Majlis Aids Malaysia juga dijemput menyertai seminar yang sudah dirancang selepas Exco kerajaan negeri memutuskan supaya JAJ mengkaji mengenai cadangan itu.

"Kita perlu mengkaji dengan mendalam kerana kerajaan negeri meminta JAJ mengkaji kemungkinan mengenakan syarat tambahan kepada pasangan yang mahu bernikah.

"Bagaimanapun, kita lebih tekankan dari sudut agama. Jika agama izinkan ia sepatutnya dijadikan landasan untuk melaksanakan sesuatu peraturan" katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Larian Jambatan Laluan Kedua Malaysia-Singapura 2000 di Plaza City Square, di sini hari ini.

Abdul Ghani mengulas mengenai kenyataan Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir yang menyifatkan cadangan itu tidak berkesan bagi mencegah HIV daripada merebak.

Marina juga berkata, cadangan itu menyentuh hak asasi manusia seterusnya memberi kesan negatif ke atas individu HIV positif.

Sabtu lalu, Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut mencadangkan supaya bakal pengantin lelaki dan wanita di negeri ini menjalani ujian darah sebelum dibenarkan bernikah bagi menentukan mereka bebas daripada sebarang jangkitan HIV dan Aids.

(END)